

# Muszaphar lakar kegemilangan baru dunia Islam

BH m/s 8 - 23.10.07



**Suara  
Orang Muda**

Bersama

**Noraini Ahmad**

E-mel: norainiputeri@yahoo.com

**"D**AH besar nanti, Afiq nak jadi angkasawan!" Itulah jawapan yang tiba-tiba terpacul dari mulut seorang kanak-kanak berusia tiga

monaut atau angkasawan pertama negara bukan saja melakar satu lagi sejarah kegemilangan baru bagi Malaysia di mata dunia, malah berjaya menyuntik semangat lebih ramai anak muda di negara ini termasuk anak-anak kecil untuk mengikuti jejaknya.

Ia adalah kemuncak kejayaan yang dikongsi dan dirasakan seluruh warga Malaysia selepas Program Angkasa Negara ditan-datangani antara kerajaan Malaysia dan Russia pada 5 Ogos 2003. Setinggi-tinggi

tahniah dan syabas buat Dr Sheikh Muszaphar dan tidak lupa juga kepada seorang lagi wira kita, calon angkasawan kedua negara, Kapten Dr Faiz Khaleed.

Selain mengharumkan nama negara, Dr Sheikh Muszaphar yang juga doktor bedah ortopedik, mencatat sejarah sebagai orang Islam pertama berpuasa dan menyambut Aidilfitri di angkasa lepas. Beliau sekali gus berjaya melakukan penyelidikan dan eksperimen berkaitan sains termasuk kesan mikrograviti dan radiasi angkasa ke

atas sel normal dan sel kanser, selain eksperimen mengenai kadar pembentukan bakteria dan tahap rintangannya.

Sebagai sebuah negara Islam, kejayaan kita juga menjadi pelopor kepada usaha negara Islam mengembalikan kegemilangan tamadun ilmu berkaitan angkasa lepas kepada umat Islam. Ia juga mengangkat kedudukan Malaysia selaku pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke tahap lebih tinggi di mata dunia.

Kejayaan Dr Sheikh Muszaphar kini meniti bukan saja di bibir seluruh warga

tahun yang juga anak kepada seorang teman, ketika ditanya mahu jadi apa setelah dewasa kelak.

Tergaman seketika mendengar jawapan yang diberikan anak kecil itu yang mungkin tidak pernah terfikir oleh minda anak-anak kecil kita sebelum ini, sedang kita yang sudah dewasa juga pun tidak pernah mengimpikan Malaysia akan melahirkan seorang angkasawan selepas 50 tahun negara merdeka.

Anak kecil itu adalah salah seorang daripada jutaan kanak-kanak di negara ini yang mengikuti perkembangan kejayaan Malaysia melakar satu lagi sejarah di persada dunia, melahirkan cosmonaut atau angkasawan pertama negara yang telah selamat pergi dan pulang dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Kapsul kapal angkasa Soyuz TMA-10 yang membawa angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha selamat mendarat di bumi dekat bandar Arklyk, Kazakhstan tepat jam 2.37 petang waktu tempatan atau 6.37 petang waktu Malaysia, kelmarin.

Kalau kita buka mana-mana rangkaian radio sejak hari pemergian Dr Sheikh Muszaphar sehinggalah sehari selepas beliau kembali ke bumi semalam, tidak putus-putus panggilan ucapan tahniah diberikan rakyat Malaysia buat beliau. Malah, ada ibu yang turut mendoakan semoga anak kecil mereka mengikut jejak Dr Sheikh Muszaphar.

Ramai anak muda kita turut menonton siaran yang dipancarkan secara langsung di kaca televisyen dan mendapat liputan meluas media itu juga tiba-tiba turut sama mengimpikan untuk menjadi angkasawan kerana kagum dengan pencapaian angkasawan ulung kita. Satu impian yang kini sudah dijadikan satu kenyataan oleh anak muda berusia 36 tahun itu.

Kejayaan Dr Sheikh Muszaphar yang telah selamat pulang dari ISS, kelmarin dengan membawa bersamanya gelaran cos-



**CATAT SEJARAH:** Dr Sheikh Muszaphar bersama Dr Faiz sejurus sebelum beliau berlepas ke ISS 10 Oktober lalu. Dr Faiz adalah calon pilihan utama bagi program angkasawan akan datang.

Malaysia tidak kira di mana mereka berada, malah umat Islam seluruh dunia. Ia dicapai bukan saja hasil kesungguhan kerajaan dan anak muda itu sendiri, malah semangat kental dan keyakinan yang tinggi berbekalkan slogan 'Malaysia Boleh'.

Selepas melalui pelbagai laluan sukar Dr Sheikh Muszaphar terpilih di kalangan 11,275 pemohon yang berminat untuk menjadi angkasawan pertama negara bersama calon angkasawan kedua negara yang turut terpilih, Kapten Dr Faiz Khalid, yang insya-Allah akan meneruskan latihan sebagai angkasawan di Pusat Latihan Angkasawan Gagarin (GCTC), Star City.

Kejayaan yang dicipta angkasawan ulung negara itu juga selari dengan usaha melahirkan *towering personality* atau personaliti unggul dan juga modal insan cemerlang seperti digagaskan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Usaha memperkembang dan memajukan bidang sains angkasa negara tidak harus terhenti selepas Dr Sheikh Muszaphar berjaya ke ISS. Misi ke angkasa perlu diteruskan dengan melahirkan lebih ramai angkasawan Malaysia. Kos yang tinggi juga tidak harus dijadikan halangan jika kita mahu hasil jangka panjang memberi manfaat kepada negara dan bangsa. Kita telah meletakkan Malaysia dalam kumpulan elit negara peneroka angkasa lepas.

Rakyat Malaysia harus memberi sokongan padu dalam kita meneruskan kejayaan meneroka angkasa lepas. Kita mahu supaya kejayaan angkasawan pertama negara itu menjadi contoh dan perintis kepada kejayaan lebih besar ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara lebih cemerlang, gemilang dan terbilang di persada dunia.

**Datuk Noraini Ahmad adalah Ketua Puteri Umno Malaysia**